

Tun Arifin dilantik Pengerusi PNB

PETALING JAYA - Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) mengumumkan pelantikan Tun Arifin Zakaria sebagai Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) dan Pemegang Amanah YPB.

Dalam masa yang sama, Datin Norazah Razali turut dilantik ke Lembaga Pengarah PNB.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, bagi pengurusan dan kakitangan PNB, pihaknya mengalu-alukan Arifin dan Norazah ke Lembaga Pengarah PNB.

"Kami teruja menantikan sumbangan mereka dalam mengawasi institusi dan aset yang diuruskan bagi pihak 14 juta rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Arifin adalah Ketua Hakim Negara antara tahun 2011 hingga 2017 dan merupakan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dari tahun 2008 hingga 2011.

Sebelum itu, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Pejabat Kehakiman dan juga Jabatan Perundangan Kerajaan Malaysia termasuk sebagai Majistret, Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan, Penasihat



ARIFIN

Undang-Undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam, serta Timbalan Penggubal Parlimen serta Peguam Persekutuan Kanan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Sementara itu, Norazah pula merupakan Penasihat Kanan di Boston Consulting Group (BCG), yang berperanan menyokong serta menasihati perniagaan dan organisasi di seluruh Asia Tenggara.

Beliau memiliki pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam bidang perundingan strategik dan pengurusan yang mengkhususkan dalam transformasi perniagaan serta organisasi, penstrukturan, strategi yang dipacu pertumbuhan dan pengembangan bakat.